

Adakah Bersih pertubuhan haram?
The Malaysian Insider
July 14, 2011

14 JULAI — Semua golongan yang anti Bersih 2.0 melebelkan Bersih 2.0 yang menganjurkan demonstrasi untuk pilihan raya bersih dan adil sebagai gerakan atau pertubuhan haram.

Ketua pegawai RoS — Pejabat Pendaftaran Pertubuhan — pun membuat kenyataan ia pertubuhan haram kerana ia didaftarkan.

Bersih 2.0 bukan satu pertubuhan. Ia adalah satu komiti ad hoc yang sepakati oleh beberapa pertubuhan NGO bagi menyelaraskan satu tunjuk perasaan pada 9 Julai 2011 dan selepas itu tugasnya selesai.

Seperti penganjur malam menyambut tahun baru di Dataran Merdeka. Ada badan komiti yang menganjurkannya. Selepas sambutan itu selesai, habislah tugasnya.

Bagaimana pun antara badan bebas yang mengatakan Bersih tidak haram ialah Suhakam yang dipengurusikan oleh bekas Duta Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ia bertegas mengatakan kegiatan itu tidak salah diadakan dan polis wajar memberikan kerjasama supaya ia berjalan lancar.

Tidak berbangkit ia menimbulkan kekacauan. Kekacauan itu satu andaian yang belum dibuktikan. Andaian boleh jadi betul dan boleh jadi tidak. Justseru itu kerjasama polis dikehendaki supaya kekacauan itu tidak berlaku.

Kalau polis boleh mengambil langkah menghalang kumpulan dakwah hendak menggagalkan pesta hiburan yang mencabul kesucian agama, maka polis wajar bersikap sama dalam kegiatan seperti Bersih 2.0 itu.

Oleh kerana penyokong-penyokong kerajaan yang anti Bersih menempelaknya haram, semua yang di bawah kerajaan termasuk polis dan penulis khutbah Jumaat pun ikut mengatakan ia haram.

Jika ia haram bagi Yang di-Pertuan Agong berkenan menerima mengadap tiga orang wakil Bersih di Istana Negara bagi mencari jalan keluar dalam kebutuhan isu itu?

Yang di-Pertuan Agong mesti bertindak betul dalam semua perkara. Kedudukannya yang tinggi dan mulia tidak boleh dicemari oleh sebarang kelemahan dan kesilapan.

Maka tidak wajar bagi Yang di-Pertuan Agong mencemar dulu bagi menerima mengadap satu kumpulan pertubuhan haram. Istana akan dikira menjatuhkan martabatnya.

Ada pun Yang di-Pertuan Agong tidak bebas bertindak sendiri dalam apa jua perkara yang melibatkan kepentingan awam. Hatta untuk menerima jemputan kahwin pun mesti mendapat nasihat kerajaan semasa.

Tidak boleh sebarang orang datang mengadap baginda tanpa badan protokol yang biasanya mendapatkan pandangan dari Perdana Menteri atau sekurang-kurangnya Perdana Menteri tahu berkenaannya.

Perdana Menteri Najib tahu Pengerusi Bersih 2.0 Ambiga hendak mengadap Yang di-Pertuan Agong. Dengan siapa Ambiga datang juga mesti dimaklumkan.

Tidak mungkin Ambiga, Datuk Samad Said, Sasterawan Negara bersama Zaid Kamaruddin boleh masuk ke Istana Negara tanpa persetujuan Perdana Menteri.

Ambiga membuat permintaan menemui Seri Peduka itu dalam suasana panas dan begitu banyak gesaan supaya dia dikenakan ISA dan status kerakyataan juga dipersoal. Dalam keadaan seperti itu tidak mudah bagi Yang di-Pertuan Agong membuka pintu Istana dan tidak sesenang itu bagi Perdana Menteri menyetujuinya.

Tetapi Yang di-Pertuan Agong menerima mereka mengadap dan Perdana Menteri tidak pula bertindak menyekatnya.

Padahal Ibrahim Ali dari Perkasa juga sebok untuk mengadap Istana. Apabila Ibrahim mengumumkan dia membatalkan hajatnya, ia tanda pintu Istana tertutup untuknya.

Apabila Yang di-Pertuan Agong mencemar duli menerima mereka, maka dengan sendiri ia membersihkan Bersih dari segala gambaran memburuk-burukkannya. Gambaran yang memburukkannya sebagai haram itu dengan sendirinya terangkat.

Jika Bersih dan Ambiga difitnahkan haram juga, ia seperti menyindir Istana dan tidak mengambil kira sikap yang Istana ambil.

Ambiga telah mengambil sikap menghormati Raja dan mendengar pandangan baginda lalu mengubah sikap bersedia membatalkan pertemuan di tengah bandar tetapi mengalih ke Stadium Merdeka.

Anti Bersih berdegil, terus dengan sikapnya, tidak menghiraukan kunjungan Ambiga ke Istana.

Perdana Menteri pula langsung tidak menunjukkan sebarang reaksi terbuka. Dia terus menyamakan Ambiga dan Bersih seperti sebelum menermui Yang di-Pertuan Agong.

Sekali pun dia yang mencetuskan idea supaya kegiatan itu dialihkan ke stadium, dia membisu, sama seperti membaling batu sembunyi tangan.

Ada tanda-tanda Perdana Menteri tidak tahu bertindak.

Copyright © 2011 The Malaysian Insider.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/opinion/article/adakah-bersih-pertubuhan-haram>